

PENGGUNAAN MEDIA BARU DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: SATU TINJAUAN AWAL

Pg. Hj. Ashrol Rahimy Bin Pg. Damit
Brunei Darussalam

Abstrak

Penggunaan media baru seperti *Facebook* di Negara Brunei Darussalam sangat meluas. Generasi muda merupakan golongan pengguna yang paling aktif menggunakan aplikasi berkenaan. Kemudahan yang terdapat pada aplikasi ini sering dimanfaatkan bagi tujuan persendirian, perniagaan, pemasaran, dan pendidikan. Tambahan lagi, ada juga yang menggunakannya bagi tujuan yang tidak baik seperti menabur fitnah, menyebarkan berita palsu dan jenayah siber.

Artikel ini akan meninjau beberapa situasi pemanfaatan dan penyalahgunaan *Facebook* di negara ini.

Abstract

The use of new media such as Facebook in Negara Brunei Darussalam are very widespread. The younger generation is the most active users of the application. The facilities available in the application are often utilized for private purposes, business, marketing, and education. In addition, there are also those who use the application for bad purposes such as lies, spreading rumors, and cyber-crime.

This article will review some instances on the use and misuse of Facebook in the country.

Pengenalan

Kepentingan penggunaan media baru sebagai perantara komunikasi di era globalisasi ini terutama sekali di kalangan generasi muda, memang tidak dapat disangkal lagi. Kehidupan mereka 'sangat akrab' dan 'sangat bergantung' dengan media baru. Seperti yang diperakui sendiri oleh beberapa orang dalam lingkungan generasi ini, tanpa teknologi berkenaan, mereka rela mati. Itulah bukti kepentingan media baru dalam kehidupan sehari-hari generasi muda masa kini. Penggunaan media baru dalam kehidupan mereka sehari-hari adalah menjadi satu kemestian. Hubungan generasi muda ini dengan media baru dapat diumpamakan seperti dalam peribahasa Melayu – *bagaikan isi dengan kuku*.¹ Penggunaan atau pemakaian media baru seperti *Facebook*, *Twitter*, dan *whatsApp* sebagai perantara komunikasi sudah dianggap fenomena biasa di abad ini.

Media dan Media Baru

Dalam era globalisasi, teknologi yang direkacipta antara lain bertujuan untuk memudahkan pengguna (mesra-pengguna): seperti dalam pengiriman teks, memuat-naik dan memuat-turun gambar, video, dan audio.

Media dalam Kamus Dewan (2002:872) membawa maksud alat atau perantara komunikasi (perhubungan). Sementara itu, Noriati et al. (2009: 32) pula menjelaskan media dikenali sebagai medium yang bermaksud sesuatu saluran komunikasi yang membawa maklumat. Maklumat daripada penyampai akan diterima oleh penerima melalui saluran komunikasi yang disebut sebagai media.

Seiring dengan peredaran dan perkembangan teknologi masa kini, timbul istilah **media baru**, yang membawa erti wujudnya beberapa teknologi dan aplikasi baru yang lebih canggih, mudah, cepat, murah, dan mesra-pengguna.

Laman web wikipedia² mendefinisikan media baru seperti berikut:

“New media refers to on-demand access to content anytime, anywhere, on any digital device, as well as interactive user feedback, creative participation and community formation around the media content. Most technologies described as “new media” are digital, often having characteristics of being manipulated, networkable, dense, compressible, and interactive. Some examples maybe the internet, websites, computer multimedia, video games, CD-ROMS, and DVDs. New media does not include television programs, feature films, magazines, books, or paper-based publications- unless they contain technologies that enable digital interactivity. Wikipedia, an online encyclopedia, is an example, combining internet accessible digital text, images and video with web-links, creative participation of contributors, interactive feedback of users and formation of a participant community of editors and donors for the benefit of non-community readers. Facebook is an example of the social media model, in which most users are also participants.”

¹ Peribahasa ini membawa maksud sangat karib (tentang orang bersahabat atau orang berkasih-kasih).

² Definisi ini dipetik dari laman web Wikipedia http://en.wikipedia.org/wiki/New_media

Manovich (2003) pula di dalam *An Introduction to The New Media Reader*, menyatakan terdapat lapan definisi tentang media baru, iaitu:

“New Media versus Cyberculture, New Media as computer technology used as a distribution platform, New Media as digital data controlled by software, New Media as the mix between existing cultural conventions and the conventions of software, New Media as the aesthetics that accompanies the early stage of every new modern media and communication technology, New Media as faster execution of algorithms previously executed manually or through other technologies, New Media as the encoding of modernist Avant-Garde; New Media as metamedia, and New Media as parallel articulation of similar ideas in Post-WWII art and modern.”

Dari huraian dua definisi di atas, dapat dirumuskan bahawa media baru seperti *Facebook*, *Twitter* dan *whatsApp* atau lebih khusus lagi dikategorikan sebagai media sosial itu merupakan teknologi dan aplikasi yang interaktif. Aplikasi-aplikasi ini, bukan sahaja membolehkan penggunaanya mengirim serta menerima teks, malah untuk memuat-naik dan memuat-turun gambar, video dan audio. Apa yang penting, pengguna harus memiliki komputer atau telefon bimbit pintar dan yang paling utama ialah kemudahan dalam mengakses internet kerana aplikasi-aplikasi tersebut di atas hanya dapat digunakan dalam talian (*on-line*).

Permasalahan Kajian

Sesebuah teknologi dicipta khusus untuk memudahkan manusia. Umpamanya kereta dicipta agar manusia mudah untuk pergi ke destinasi yang ingin dituju dengan cepat. Telefon bimbit dicipta agar manusia mudah untuk berhubung di mana jua mereka berada, yang penting terdapat jaringan operator telefon berkenaan. Dalam erti kata lain, teknologi direkacipta untuk memudahkan kehidupan manusia. Bagaimanapun, di sebalik kemudahan-kemudahan yang dapat dinikmati dari teknologi berkenaan, manusia dengan pelbagai sikap, sifat, kreativiti dan ragamnya, sebahagiannya menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat pada sesebuah teknologi itu. Oleh itu, kajian ini akan meninjau bagaimana *Facebook* dimanfaatkan dan disalahgunakan di negara ini.

Sejarah Ringkas *Facebook*

Facebook merupakan satu jaringan sosial yang diperkenalkan pada 4hb. Februari 2004 yang telah dicipta oleh Mark Zuckerberg iaitu seorang lulusan Universiti Harvard dan bekas pelajar Ardsley High School. Penggunaan *Facebook* pada mulanya hanya terhad kepada pelajar di Universiti Harvard. Dua bulan kemudian, penggunaannya diperluaskan ke universiti lain di wilayah Boston (Boston College, Boston University, MIT, Tufts), Rochester, Stanford, NYU, Northwestern, dan semua universiti yang termasuk dalam *Ivy League*. Sehingga akhirnya *Facebook* boleh digunakan di seluruh dunia. Semua penggunaanya boleh berhubung secara bebas dengan menggunakan *Facebook*.

Penggunaan *Facebook* secara global

Pada bulan Oktober 2012, pelapor teknologi BBC iaitu Lee melaporkan bahawa jumlah pengguna *Facebook* telah melepasi angka 1 billion. Benua Amerika Utara merupakan yang paling ramai pengguna iaitu pada kadar 44.97%, diikuti Australia dan Oceania 42.14%, dan Amerika Selatan 33.92%. Seterusnya diikuti oleh benua Eropah, Asia dan Afrika iaitu masing-masing pada kadar 29.96%, 6.68% dan 5.15% (rujuk lampiran A). Dari laporan tersebut jelas menggambarkan benua tempat asal *Facebook* dicipta merupakan pengguna yang paling ramai. Laporan berkenaan juga menunjukkan bahawa purata usia pengguna *Facebook* ialah 22 tahun. Ini merupakan satu fakta yang sangat menarik kerana tidak dapat dinafikan lagi bahawa majoriti pengguna *Facebook* ialah generasi muda. Lee juga melaporkan lima negara tertinggi dari segi pengguna *Facebook* ialah Amerika Syarikat, Mexico, Brazil, India, dan Indonesia.

Penggunaan *Facebook* di Negara Brunei Darussalam

Brunei Darussalam merupakan pengguna *Facebook* tertinggi dari segi pertumbuhan penduduk di Asia. Ini terbukti seperti yang dilaporkan oleh Hakim Hayat (2012) di dalam akhbar Borneo Bulletin Weekend (2012, March 24) dengan tajuk berita, *Brunei tops in Facebook Usage*.

List of Countries in Asia on Facebook					
No.	Country	Number of Users	Change in No. of Users	Percentage Change	Population Penetration
1	Brunei	234,060	+12,340	+5.7%	59.25%
2	UAE	2,909,860	+382,040	+15.11%	58.48%
3	Qatar	479,240	+216,800	+82.61%	56.99%
4	Singapore	2,602,880	+13,280	+0.51%	55.37%
5	Hong Kong	3,752,160	-79,260	-2.07%	52.92%
6	Taiwan	11,877,620	+901,020	+8.21%	51.59%
7	Malaysia	12,365,780	+614,720	+5.23%	47.27%
8	Israel	3,467,340	-17,380	-0.50%	47.15%
9	Bahrain	346,500	+46,380	+15.45%	46.95%
10	Palestine	914,660	+268,040	+41.45%	36.37%

Sumber: Borneo Bulletin Weekend, 2012, 24 Mac.

Dalam artikel berkenaan, dilaporkan bahawa penggunaan aplikasi *Facebook* di negara ini melonjak sejak laman sesawang *Facebook* dicipta pada tahun 2004. Lebih ramai warga Brunei terutama sekali generasi muda menggunakan aplikasi ini untuk berhubung dengan kawan-kawan, keluarga, teman sekelas dan rakan sepejabat untuk mengemaskini status dan berkongsi gambar.

Dari laporan berkenaan, dapat diandaikan dengan meningkatnya penggunaan *Facebook* di negara ini, wujud dua impak, iaitu positif dan negatif. Impak positif, menggambarkan bagaimana individu atau organisasi memanfaatkan *Facebook*. Secara ringkas, dari sudut positifnya, *Facebook* digunakan untuk mengeratkan silaturahmi di antara keluarga, rakan-rakan, malah untuk berkenalan dengan rakan baru di samping menyebarkan berita atau menyampaikan informasi terkini seperti kejadian tragis kemalangan bas pelancong Brunei di Sabah pada bulan November 2011, tragedi helikopter Angkatan Tentera Udara

Diraja Brunei yang terhempas di ulu daerah Belait pada bulan Julai 2012, dan kejadian bunuh diri di pusat bandar pada bulan November 2012. Berita-berita ini lebih cepat tersebar dan diterima oleh pengguna *Facebook* daripada melalui radio, televisyen dan suratkhbar. Ini menunjukkan *Facebook* sangat bermanfaat jika digunakan secara bertanggungjawab dan berhemah. Malah ada pihak yang turut menggunakan *Facebook* dalam menyampaikan informasi perniagaan (iklan) seperti penjualan pakaian, pengubahsuaian rumah, dan produk-produk kesihatan, iaitu jual beli dalam talian (*on-line shopping*).

Impak negatif pula memperlihatkan terdapat pihak yang menyalahgunakan kemudahan *Facebook*, iaitu untuk menyampaikan berita dan informasi palsu, pornografi, serta fitnah yang boleh mendatangkan keaiban dan kemusnahan dalam sesebuah keluarga. Semua ini dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, sama ada bertujuan gurauan, dendam, dan sebagainya.

Pemanfaatan *Facebook*

Di negara ini, beberapa institusi-institusi besar turut tidak melepaskan peluang dalam memanfaatkan aplikasi *Facebook*. Selain dari pendaftaran percuma, aplikasi ini penuh dengan pelbagai kemudahan yang sangat disenangi oleh penggunanya.

Royal Brunei (seterusnya RB) satu-satunya syarikat penerbangan kebangsaan di negara ini telah memanfaatkan aplikasi *Facebook* dalam beberapa aspek. Antaranya dari segi hubungan dengan pelanggan dan pemasaran. Dalam hal hubungan dengan pelanggan, selain berhubung menggunakan telefon, pelanggan juga boleh menggunakan *Facebook* iaitu secara dalam talian (*on-line*). Kelebihannya ialah pelanggan pasti menerima maklum balas dengan segera. Dalam hal pemasaran, RB sentiasa mengemaskini halaman *Facebook* mereka dengan promosi terkini. Secara tidak langsung, pelanggan dapat mengetahui promosi-promosi yang ditawarkan oleh RB dengan cepat. Contohnya, tambang murah ke beberapa destinasi terpilih. Sebelum ini, RB hanya menggunakan media cetak sebagai bahan primer dalam menyampaikan promosi mereka, tetapi kini RB dapat menyampaikan promosi mereka melalui *Facebook* di samping mengekalkan promosi melalui media cetak.³

Facebook juga dapat digunakan dalam mempromosi jualan tekstil dan produk kecantikan. Gambar-gambar kain dan tudung terkini serta produk-produk yang ditawarkan akan dimuat naik (*upload*) dan dipaparkan. Harga yang menarik serta kompetitif dijanjikan bagi menarik pelanggan.⁴ Harga dan kreativiti individu berkenaan dalam mempromosikan produk-produk tersebut sangat memainkan peranan dalam menarik pelanggan. Dari segi kreativiti iaitu dalam memperkenalkan produk kecantikan ada yang menyertakan testimoni dari pengguna produk berkenaan bagi menarik pelanggan baru. Selain itu, penggunaan bahasa dan kata-kata yang meyakinkan serta menyenangkan pelanggan juga tidak kurang pentingnya dalam menarik pelanggan.⁵

Selain itu, individu yang mahir dalam mengambil gambar juga turut mengiklankan pakej-pakej penggambaran mereka bagi majlis-majlis tertentu terutama sekali Majlis

³ Laman sesawang *Facebook* RB ialah <http://www.facebook.com/royalbruneiairlines>

⁴ Contoh bagi pemanfaatan *Facebook* dalam mempromosikan dan penjualan tekstil ialah <http://www.facebook.com/butik.almulsimbruneiii>

⁵ Contoh bagi pemanfaatan *Facebook* dalam mempromosikan dan penjualan produk kecantikan ialah <http://www.facebook.com/arrizq-corture>

Pertunangan, Pernikahan, dan Bersanding. Pakej-pakej yang diiklankan cukup lengkap dan disertakan dengan harganya sekali. Mereka juga bersedia menunjukkan contoh gambar yang mereka ambil bagi memuaskan hati bakal pelanggan mereka.⁶ Bagi yang mahir membuat kuih dan kek, setiap kali musim sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri, pasti ramai yang mengiklankan tempahan kuih dan kek. Jika ramai yang membuat tempahan, pendapatan di bulan Ramadhan pasti akan berlipat ganda dan dapat digunakan bagi perbelanjaan di bulan Syawal.

Antara kelebihan penggunaan *Facebook* penjual tidak semestinya memerlukan kedai atau tempat khusus untuk menjual barang mereka. Mereka boleh menggunakan kediaman mereka sebagai 'kedai' untuk tujuan itu. Ini secara langsung akan menjimatkan kos sewa, bayaran penggunaan elektrik dan air serta gaji pekerja. Apa yang penting ialah kejujuran si penjual dalam menjalankan perniagaannya. Dengan menggunakan aplikasi *Facebook*, sesiapa sahaja berpeluang mendapatkan pendapatan sampingan. Bagi yang sudah lama menjalankan perniagaan pula, dengan mudah dapat menggandakan lagi pendapatan mereka.

Dari segi pendidikan pula, tren penggunaan *Facebook* sebagai medium dalam pembelajaran semakin mendapat tempat dan popular di kalangan pelajar dan mahasiswa/-i. Ianya bukan sahaja digunakan untuk bertegur sapa malah mereka bijak menggunakan medium tersebut bagi menyampaikan informasi-informasi terkini yang berkisar dengan pembelajaran mereka. Mereka juga menggunakannya untuk berbincang tentang sesuatu tajuk pelajaran atau cara mengatasi masalah dalam menjawab sesuatu soalan. Apa yang menariknya ialah adakalanya perbincangan itu bukan sahaja di antara pelajar dengan rakan-rakan mereka, malah guru atau pensyarah sendiri turut menyertainya. Bukan itu sahaja, juga didapati adanya pelajar yang belajar secara berkumpulan untuk bertukar-tukar pendapat dan berkomunikasi secara meluas tentang tajuk perbincangan yang mereka jalankan. Ini bermakna, perbincangan yang diadakan adalah secara *on-line* dan bukan bersemuka. Secara tidak langsung, masa sentiasa dimanfaatkan oleh para pelajar dan mahasiswa/-i ini dan diisikan dengan hal-hal yang menguntungkan.

Pelbagai cara boleh dimanfaatkan untuk pembelajaran melalui *Facebook*, antaranya ialah:

- a. membuat forum atau perbincangan secara berkumpulan (*group discussion*) dengan memberikan tajuk perbincangan yang berkaitan dengan tajuk pembelajaran di sekolah.
- b. memberikan alamat URL/Web yang berhubungkait dengan pembelajaran di sekolah.
- c. memberikan alamat URL/Web yang berhubungkait dengan pembelajaran kepada pelajar atau mahasiswa/-i yang ditugaskan untuk mempelajari sesuatu tajuk yang kemudiannya perlu dibahaskan di sekolah atau di universiti.
- d. memberikan latihan kerja rumah melalui *Facebook*, menyampaikan maklumat atau informasi tentang sesuatu pembelajaran.
- e. membuat perbincangan atau bertukar pendapat di antara pelajar dan guru, mahasiswa/-i dan pensyarah dengan memberikan suatu masalah yang berkaitan dengan pembelajaran.

⁶ Contoh bagi pemanfaatan *Facebook* dalam pengiklanan pakej penggambaran ialah <http://www.facebook.com/candlelight.photographer>

Oleh yang demikian jelas terbukti bahawa *Facebook* ini bukan hanya dapat digunakan untuk suka-suka malah boleh dimanfaatkan oleh pelajar dalam pembelajaran mereka.

Contoh seterusnya ialah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam yang menggunakan *Facebook* bagi memudahkan perhubungan dengan para mahasiswa/i di fakulti berkenaan. Beberapa informasi terkini mengenai modul dan penawaran modul serta kursus baru dapat disampaikan dengan segera dan beberapa pertanyaan dari para mahasiswa/i juga dapat dijawab dengan serta merta.⁷

Penyalahgunaan *Facebook*

Ledakan kemunculan *Facebook* juga sering disalahgunakan oleh sesetengah pihak. Salah satunya ialah jenayah siber.

Antara jenis-jenis jenayah siber⁸ yang biasa dilakukan ialah:

- a. penipuan
- b. kerosakan atau pengubahsuaian ke atas program atau data komputer
- c. kecurian maklumat
- d. capaian secara tidak sah ke atas sistem
- e. menyalin perisian secara tidak sah
- f. pengintipan
- g. judi siber
- h. skim cepat kaya
- i. pornografi
- j. penggodam atau '*Hacker*'
- k. penyebaran virus
- l. mel spam

Selain daripada yang dinyatakan di atas, didapati juga penyalahgunaan media baru di kalangan remaja. Effendy Ibrahim (2009) selaku Ketua Urusan Pengguna, Kawasan Asia Selatan Symantec⁹, berkata ibu bapa yang cetek pengetahuan dan pengalaman mengenai media baru berbanding anak mereka boleh menyebabkan punca kebimbangan utama. Remaja didapati bukan hanya mengakses bahan akademik tetapi lebih kepada bahan haram atau tidak berlesen. Ibu bapa percaya sebahagian besar aktiviti di dalam talian yang dilayari anak mereka cuma terbatas kepada elemen hiburan dan aktiviti perjudian komputer (*games*) tetapi hakikatnya elemen itu bukanlah keutamaan remaja.

Hakikatnya kebanyakan mereka melayari sesuatu di luar batasan dan kawalan kerana penggunaan media baru boleh dilayari tanpa sempadan. Mereka boleh melayari aktiviti seperti video, rangkaian sosial, dan muat turun pelbagai fail.

Selain daripada itu, media sosial seperti *Facebook* ini juga digunakan sebagai satu medium atau tempat untuk menyebarkan fitnah, iaitu menghantar maklumat atau informasi

⁷ Laman sesawang *Facebook* Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD ialah <http://www.facebook.com/fass.ubd>

⁸ Maklumat tentang jenis-jenis jenayah siber ini diperolehi melalui laman web <http://thebobodoll.blogspot.com/2010/07/1-penyalahgunaan-teknologi-internet-di.html>, dilayari pada 20hb. Oktober, 2012.

⁹ Penyataan penyalahgunaan media sosial di kalangan remaja dipetik dari laman web <http://blog.azhad.com/2009/10/risiko-internet-kepada-remaja.html>, dilayari pada 20hb. Oktober, 2012.

yang salah atau palsu dan menyebarkannya kepada semua pengguna *Facebook* yang lain dan ini secara tidak langsung boleh menjatuhkan maruah mangsa yang terlibat dan akhirnya boleh mencetuskan konflik dan pergaduhan. Contohnya baru-baru ini dilaporkan seorang lelaki telah dijatuhkan hukuman penjara kerana memuat-naik gambar dan video bekas teman wanitanya yang berbau lucah:

“A representative from IT Protective Security Services Sdn. Bhd (ITPSS) late last year told the Weekend Bulletin that apart from the rise in online scams or e-fraud, which is rampant on the internet and sourced mostly from outside the country, cases of cyber crimes reported here also derive from web infrastructures such as e-mails and social networking tools like Facebook. An example a man was sentenced to jail for 10 months after he admitted to uploading obscene pictures and video clips of his ex-girlfriend on Facebook.”

Sumber: Borneo Bulletin Weekend, 24 Mac 2012.

Berita-berita palsu juga sering dikirim melalui *Facebook*, misalnya berita mengenai sekumpulan perompak yang bersenjata pada November 2011 dan pergaduhan besar di Bandar Seri Begawan pada Oktober 2012. Penyebaran berita-berita palsu ini telah menggugat rasa keamanan dan ketenangan masyarakat sekaligus menimbulkan perasaan takut, gusar, bimbang, dan cemas. Akhirnya, berita-berita tersebut telah disahkan oleh Polis Diraja Brunei sebagai berita palsu.

Facebook juga digunakan sebagai satu cara untuk meluahkan rasa tidak puas hati, marah, dan sebagainya. Kebanyakan pengguna meluapkannya di dalam status terkini mereka. Ini bukanlah satu cara yang terbaik. Bagi menuntut keadilan atau hak, seseorang itu perlulah menyatakan dan mengekspresikannya dengan cara yang betul, misalnya melalui prosedur undang-undang yang telah ditetapkan agar sebarang kesulitan atau masalah dapat diselesaikan dengan cara baik.

Penyalahgunaan *Facebook* ini juga boleh menyebabkan berlakunya pembaziran masa dan elektrik serta wang kerana penggunaan komputer riba, tablet dan telefon bimbit selama berjam-jam akibat terlalu leka dengan bermain *game* dalam talian, aplikasi dan juga mungkin berbual dalam talian. Akibat dari kelalaian ini, khususnya di kalangan pelajar, berkemungkinan akan menyebabkan kemerosotan prestasi pada pembelajaran mereka. Bukan itu sahaja, malah terdapat kes pelajar yang terlalu leka dengan melayari *Facebook* sehingga terlupa untuk makan menjadikan mereka menghidap penyakit seperti gastrik dan sebilangannya menghidap penyakit sukar tidur kerana sering dan terlalu banyak menghabiskan masa berjaga sehingga lewat pagi.¹⁰

¹⁰ Penerangan mengenai penyalahgunaan *Facebook* ini didapati dari laman web <http://kumpulan-tugas-sekolahku.blogspot.com/2012/07/bahaya-penyalahgunaan-facebook-dan-cara.html>, dilayari pada 22hb Oktober, 2012.

Penutup


Media baru *Facebook* menawarkan pelbagai kemudahan yang dapat dimanfaatkan oleh penggunanya. Apa yang penting ialah bagaimana pengguna menggunakannya iaitu samaada bagi tujuan yang baik atau sebaliknya. Dalam pemanfaatan *Facebook*, telah dibincangkan beberapa situasi antaranya dalam hal mempromosikan dan menjual tekstil, produk kecantikan, dan aspek pendidikan. Dalam penyalahgunaan *Facebook* pula, telah dibincangkan antaranya bagaimana individu menggunakannya untuk menyebarkan fitnah dan berita-berita palsu. Semuanya memberikan kesan kepada pengguna *Facebook* yang lain. Apa yang penting ialah setiap pengguna *Facebook* harus bertanggungjawab dan berhemah agar dapat memanfaatkan *Facebook* sepenuhnya.

Rujukan

- Branston, G. & Stafford, R. (2006). *The media student's book*. (4th ed.). London: Routledge.
- Hakim Hayat. (2012, March 24). Brunei tops in Facebook Usage. *Borneo Bulletin Weekend*, p.1.
- Jenis-jenis jenayah siber*. Dilayari pada Oktober 20, 2012, dari <http://thebobodoll.blogspot.com/2010/07/1>
- Kamus Dewan*. (Edisi ketiga). (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee, D. (2012, October 5). *Facebook surpasses one billion users as its tempts new market*. Dilayari pada Oktober 6, 2012, dari <http://www.bbc.co.uk/news/technology-19816709>
- Manovich, L. (2003). New Media from Borges to HTML. In N. Wardrip-Fruin & N. Montfort (Eds). *The New Media Reader* (pp.16-23). Cambridge: The MIT Press.
- New Media*. Dilayari pada Oktober 17, 2012, dari http://en.wikipedia.org/wiki/New_media
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, & Wan Kamaruddin Wan Hasan (2009). *Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Penyalahgunaan Facebook*. Dilayari pada Oktober 22, 2012, dari <http://kumpulan-tugas-sekolahku.blogspot.com/2012/07/bahaya-penyalahgunaan-facebook-dan-cara.html>
- Penyalahgunaan media sosial di kalangan remaja*. Dilayari pada Oktober 17, 2012, dari <http://blog.azhad.com/2009/10/risiko-internet-kepada-remaja-html>

Lampiran A

Percentage of population using Facebook on six continents



Source: Socialbakers.com

Sumber: Lee, D. 5 Oktober 2012. *Facebook surpasses one billion users as it tempts new market.*
Dilayani pada 6 Oktober 2012, dari <http://www.bbc.co.uk/news/technology-19816709>